



Keselamatan Vaksin COVID-19

Perkara yang perlu anda tahu

- Vaksin COVID-19 adalah **selamat dan berkesan**.
- Berjuta-juta orang di Amerika Syarikat telah menerima vaksin COVID-19 di bawah pemantauan keselamatan yang paling intensif sepanjang sejarah A.S..
- CDC mencadangkan anda mendapatkan vaksin COVID-19 seawal yang mungkin.
- Banyak orang telah melaporkan kesan sampingan yang ringan sahaja selepas pemvaksinan COVID-19.

Berjuta-juta orang telah menerima vaksin COVID-19 dengan selamat

Lebih daripada 272 juta dos vaksin COVID-19 telah diberikan di Amerika Syarikat mulai 14 Disember 2020 hingga 17 Mei 2021.

Vaksin COVID-19 adalah **selamat dan berkesan**. Vaksin COVID-19 telah dinilai dalam beribu-ribu peserta semasa percubaan klinikal. Vaksin tersebut telah memenuhi piawaian saintifik Pentadbiran Makanan dan Dadah (FDA) yang ketat untuk keselamatan, keberkesanan dan kualiti pembuatan yang diperlukan bagi menyokong kebenaran penggunaan kecemasan (EUA). [Learn more about EUAs in this videoexternal icon](#). ([Ketahui lebih lanjut tentang EUA dalam video iniexternal icon](#)).

Berjuta-juta orang di Amerika Syarikat telah menerima vaksin COVID-19, sejak vaksin tersebut dibenarkan untuk penggunaan kecemasan oleh FDA. Vaksin ini telah mengalami dan akan terus mengalami pemantauan keselamatan yang paling intensif dalam sejarah A.S.. Pemantauan ini termasuk menggunakan kedua-dua sistem pemantauan keselamatan yang sedia ada dan baharu untuk memastikan vaksin COVID-19 adalah selamat.



Hasil yang meyakinkan

Hasil daripada usaha pemantauan keselamatan vaksin meyakinkan. Sesetengah orang tidak mengalami kesan sampingan. Orang lain pula melaporkan [side effects after COVID-19 vaccination](#), ([kesan sampingan selepas pemvaksinan COVID-19](#)) yang biasa, seperti

- bengkak, kemerahan dan sakit di tempat suntikan
- demam
- sakit kepala
- keletihan
- sakit otot
- seram sejuk
- loya

Masalah keselamatan serius jarang berlaku

Sehingga kini, sistem yang sedia ada untuk memantau keselamatan vaksin ini hanya menemukan dua jenis masalah kesihatan yang serius selepas pemvaksinan, dan kedua-duanya jarang berlaku. Masalah kesihatan tersebut ialah anafilaksis dan trombosis dengan gejala trombositopenia (TTS) selepas pemvaksinan dengan Vaksin COVID-19 J&J/Janssen.

Anafilaksis

Sebilangan kecil orang telah mengalami [severe allergic reaction \(tindak balas alergi teruk\)](#) (dikenali sebagai “anafilaksis”) selepas pemvaksinan, tetapi hal ini **jarang berlaku**. Anafilaksis boleh berlaku selepas mana-mana pemvaksinan. Jika hal ini berlaku, pembekal vaksin mempunyai ubat yang tersedia untuk merawat tindak balas tersebut dengan berkesan dan segera.

Selepas anda mendapat vaksin COVID-19, anda akan diminta untuk menunggu selama 15–30 minit supaya anda boleh diperhatikan, jika anda mengalami tindak balas alergi teruk dan memerlukan rawatan segera.



Trombosis dengan Gejala Trombositopenia (TTS) selepas pemvaksinan dengan pemvaksinan COVID-19 J&J/Janssen

Selepas menerima Vaksin COVID-19 J&J/Janssen, terdapat risiko untuk peristiwa buruk yang jarang berlaku tetapi serius—bekuan darah dengan platelet rendah (trombosis dengan gejala trombositopenia atau TTS). Wanita di bawah umur 50 tahun perlu memberikan perhatian khusus terhadap risiko mereka yang lebih tinggi untuk peristiwa buruk yang jarang berlaku ini. Terdapat vaksin COVID-19 lain yang tersedia, yang belum menemukan risiko ini.

Peristiwa buruk ini jarang berlaku, dengan kadar kejadian kira-kira 7 orang setiap 1 juta orang wanita yang diberikan vaksin berusia antara 18 hingga 49 tahun. Untuk wanita yang berumur 50 tahun dan ke atas serta lelaki pada semua peringkat umur, peristiwa buruk ini lebih jarang berlaku.

Kemungkinan kesan sampingan jangka panjang amat rendah

Kemungkinan kesan sampingan yang boleh menyebabkan masalah kesihatan jangka panjang amat rendah mengikuti mana-mana pemvaksinan, termasuk pemvaksinan COVID-19. Dari segi sejarah, pemantauan vaksin telah menunjukkan bahawa kesan sampingan biasanya berlaku dalam masa enam minggu selepas menerima dos vaksin. Atas sebab ini, FDA telah mewajibkan bahawa setiap vaksin COVID-19 yang dibenarkan dikaji selama sekurang-kurangnya dua bulan (lapan minggu) selepas dos terakhir. Beribu-ribu orang telah menerima vaksin COVID-19 dan tiada kesan sampingan jangka panjang telah dikesan.

CDC akan terus memantau keselamatan vaksin COVID-19 secara teliti. Jika ahli sains menemukan hubungan antara isu keselamatan dengan vaksin, FDA dan pengilang vaksin akan berusaha untuk mencari penyelesaian yang wajar bagi



menangani kebimbangan keselamatan khusus tersebut (sebagai contoh, masalah dengan lot tertentu, isu pembuatan atau vaksin itu sendiri).

Lindungi diri anda dan orang lain dengan mendapatkan vaksin

Cara yang terbaik untuk melindungi diri anda daripada COVID-19 adalah dengan mendapatkan vaksin terhadap COVID-19 dan mengikut [CDC recommendations on wearing masks and social distancing \(cadangan CDC tentang pemakaian pelitup muka dan penjarakan sosial\)](#). CDC mencadangkan anda mendapatkan vaksin COVID-19 seawal yang mungkin.

CDC, FDA dan agensi persekutuan lain akan terus memantau keselamatan vaksin COVID-19 sementara penggunaan vaksin tersebut terus menjadi semakin meluas dalam populasi.